

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN SU KEONG SIONG

TARIKH: 15 MAC 2018

SOALAN:

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan status terkini rancangan untuk mengkaji semula Perintah Gaji Minima 2016 untuk menetapkan kadar gaji minimum baharu. Nyatakan jumlah kes-kes pendakwaan terhadap majikan-majikan yang gagal mematuhi Perintah Gaji Minima yang ditetapkan oleh Kerajaan.

PR-1361-L04649

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 sedang dilaksanakan dan sebarang syor daripada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan diputuskan oleh Kerajaan dengan teliti. Secara amalnya Kajian Semula Perintah Gaji Minimum akan dibuat oleh MPGN sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua (2) tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Dalam menetapkan kadar gaji minimum sedia ada, MPGN akan mengambil kira aspek perubahan kos sara hidup iaitu Indeks Harga Pengguna/*Consumer Price Index* (CPI) sebagai indikator utama dalam membuat pertimbangan. Selain itu, indikator-indikator lain juga turut diambil kira seperti kadar pertumbuhan produktiviti, gaji penengah (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran sebenar, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya.

3. Di samping itu juga, pandangan pelbagai pihak melalui pendekatan berhemah "*balanced approach*" juga diberikan penelitian

oleh MPGN sebelum sebarang syor dikemukakan kepada Kerajaan untuk keputusan.

4. Oleh yang demikian, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang adalah langkah secara berperingkat dan bukan atas dasar ingin meraih populariti semata-mata. Melalui pendekatan ini Kerajaan percaya daya saing negara dapat dikekalkan sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa dan hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi tetap tercapai.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini supaya para pekerja mendapat manfaat daripada dasar ini. Bagi memastikan majikan-majikan membayar gaji minimum sebagaimana yang telah ditetapkan, pihak Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan pemeriksaan berkanun ke premis-premis majikan di seluruh negara.

6. Bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2017, sebanyak 410 kes telah diberi izin dakwa untuk dibawa ke peringkat perbicaraan di mana 215 kes pendakwaan yang telah selesai dibicarakan dengan denda telah dikenakan oleh mahkamah kepada majikan-majikan terbabit berjumlah RM681,300.00. Kes selebihnya masih di dalam tindakan mahkamah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), majikan-majikan yang gagal membayar gaji minimum boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

- (i) Bagi kesalahan pertama, hukuman denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap seorang pekerja. Mahkamah juga boleh perintahkan majikan untuk membayar perbezaan gaji pokok termasuk sebarang tunggakan gaji pokok dan bayaran-bayaran lain;
- (ii) Bagi kesalahan berterusan, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 sehari;
- (iii) Bagi kesalahan berulang, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun; dan
- (iv) Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan dalam Akta, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.

2. Dalam hal ini, Kementerian menyeru kepada para pekerja yang tidak dibayar gaji minimum agar tampil ke Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran untuk membuat aduan supaya tindakan lanjut dapat diambil oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK).